

NAMA :

YR10SS

TARIKH:

ULANGKAJI HIKAYAT AWANG KAMARUDDIN (BAB 1 HINGGA 5)

A. Padankan peristiwa penting setiap bab ini dengan gambar yang berkaitan.

BAB 1

Dang Kasuma menegur lukisan di atas tanah dan memberitahu kawannya. Lamang Labai melukis lukisan tersebut dengan ilmu penuduh burung dan berniat untuk membawa Dang Kasuma lari.



BAB 2

Awang Kamaruddin memberitahu adiknya Dang Kumala bahawa dia hendak pergi ke Negeri Jawa untuk merampas Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa yang hendak melangsungkan perkahwinannya. Ak meminta adinya untuk membuat Pinang Sekapir Sigup Segulung.



BAB 3

Awang Kamaruddin meniru suara Raja Muda Indera Bongsu untuk masuk ke bilik Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa sehingga menyebabkan TPBKJ pengsan.



BAB 4

Awang Kamaruddin memandikan Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa menggunakan langir pertapaan ayahnya Lamang Labai 9 tahun 9 bulan 9 hari sehingga menyebabkan TPBKJ terketar-ketar kedingingan. Raja Muda Indera Bongsu tahu niat Awang Kamaruddin.



BAB 5

Awang Kamaruddin sengaja duduk di sebelah kanan pengantin perempuan Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa menyebabkan pengantin lelaki Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti marah dengan mengatakan AK ingin merampas TPBKJ lalu membawa AK beradu tenaga.



NAMA : YR10SS TARIKH:

ULANGKAJI HIKAYAT AWANG KAMARUDDIN (BAB 6 HINGGA 11)

A. Padankan **peristiwa penting** setiap bab ini dengan **gambar** yang berkaitan.

BAB 6

Dang Kumala bersama 13 orang sepupunya pergi ke Gunung Maha Biru untuk menolong abangnya Awang Kamarudin yang sedang berperang dengan Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti.



BAB 7

Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa bersalam dengan ibunya Tuan Puteri Permaisuri Intan Mas Surai ikut Awang Kamaruddin balik ke Negeri Timur bersama abangnya Raja Muda Indera Bongsu.



BAB 8

Setelah Tuan Puteri Si Raksasa berubah saiznya menjadi besar, Awang Kamaruddin mencabar Tuan Puteri Si Raksasa menjadi kecil dan kemudian membelahnya dengan Pedang Sulindayan.



BAB 9

Dang Kasuma memberitahu Awang Kamaruddin bahawa ada adiknya lain selain Dang Kumala iaitu adiknya lain ibu tajaan ayahnya Lamang Labai di dalam buah Pinang Si Gangga Wari.



BAB 10

Awang Kamaruddin memandikan adiknya Sultan Bongsu dan Tuan Puteri Kumala Bongsu dengan langir pertapaan ayahnya 9 tahun 9 bulan 9 hari menggunakan mangkuk emas.



BAB 11

Jemputan 7 buah negeri 7 buah kampung datang menyaksikan perkahwinan antara Awang Kamaruddin dan Dang Siti Noralam di Istana Besar Bukit Sinarubai, Negeri Timur.



- B. Pilih nama watak, latar tempat dan latar peralatan yang sesuai untuk mengisi tempat kosong berikut.



minyak

Awang Amir Shamsu

Aying Mawal

Tuan Puteri Si Raksasa

burung

Tepi Laut

Lalat Kuning

Si Naga Sakti

tangkai hati

Dang Bongsu

Negeri Jawa

Dang Siti Noralam

1. Dang Kumala dan _____ mencuri anak batu pertapaan Tuan Pemagat Bongsu ketika Tuan Puteri Si Raksasa sedang tidur.
2. Dang Kumala dan 13 orang sepupunya menjelma menjadi _____ Si Marak Jantan, Si Marak Nuri dan Si Jamba Wali ketika pergi ke Gunung Maha Biru.
3. Awang Kamaruddin menghidupkan Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti dengan meniup _____ TPBBIS.
4. Tuan Puteri Permaisuri Intan Mas Surai tinggal di Panggau Gading 9 Ringkat Istana Besar,
5. Awang Kamaruddin balik bersama TPBKJ dan RMIB ke Negeri Timur menggunakan Ajung Si Lancang Kuning _____.
6. _____ mendapati anaknya Dang Siti Noralam tidak ada di dalam biliknya ketika wakil Awang Kamaruddin datang untuk meminangnya.
7. _____ menjelma menjadi Naga Berkepala Tujuh di Laut dan Harimau Jantan di darat setelah dipenggal badannya oleh Awang Kamaruddin dengan Pedang Sulindayan.
8. Awang Kamaruddin menitikkan _____ arah tompok-tompok putih yang keluar daripada bangsi dan menjelmalah Dang Siti Noralam.
9. Sultan Bongsu dan Tuan Puteri Kumala Bongsu ditapakan oleh ayahnya Lamang Labai di dalam buah Pinang Si Gangga Wari di _____.
10. Awang Kamaruddin menjelma menjadi _____ di Tabuk Rancangan Dang Kumala di Panggau Gading 9 Ringkat Istana Besar Bukit Sinarubai.
11. Awang Kamaruddin menggunakan _____ si Lompat Pagar 7 Serantai untuk membuka buah Pinang Si Gangga Wari.
12. Awang Kamaruddin mempunyai anak lelaki bernama _____ hasil perkahwinannya bersama Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa.



C. Padankan nama watak dan unsur kesaktian di bawah ini.

	NAMA WATAK	UNSUR KESAKTIAN	
	DANG KUMALA DAN DANG BONGSU	TOMPOK-TOMPOK PUTIH	
	TUAN PEMAGAT BONGSU BAGINDA INDERA SAKTI	MELIHAT DALAM KESAKTIAN	
	AWANG KAMARUDDIN	BURUNG SI MARAK NURI, SI MARAK JANTAN DAN SI JAMBA WALI	
	DANG KUMALA BERSAMA 13 SEPUPUNYA	BERTUKAR MENJADI ANGIN DAN HUJAN	
	LAMANG LABAI	ANAK BATU PERTAPAAH	
	DANG SITI NORALAM	MEMBESARKAN DAN MENGECILKAN BADANNYA	
	DANG KUMALA	LALAT KUNING	
	TUAN PUTERI SI RAKSASA ANAK HANTU	MENAPAKAN ANAKNYA DI DALAM BUAH PINANG SI GANGGA WARI	